

No. Rujukan : UTeM.02.14.03/100-3/2/3 (12)



**SURAT EDARAN PENTADBIRAN
BILANGAN 3 TAHUN 2019**

**PEMAKLUMAN PENANGGUHAN PERKHIDMATAN
KEMUDAHAN KLINIK PANEL
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar

28 Mac 2019 | 21 Rejab 1440H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.14.03/100-3/2/3 (12)

28 MAC 2019
21 REJAB 1440H

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 3/2019

PEMAKLUMAN PENANGGUHAN PERKHIDMATAN KEMUDAHAN KLINIK PANEL DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Surat Edaran Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada seluruh warga Universiti tentang penangguhan sementara perkhidmatan kemudahan Klinik Panel, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1. Untuk makluman, kontrak perkhidmatan empat puluh (40) Klinik Panel Universiti yang sedia ada akan tamat pada 31 Mac 2019. Proses kerja penyambungan dan pelantikan Klinik Panel ini telah mengalami perubahan berikutan proses kerja pelantikan baharu dan penyambungan Klinik Panel perlu melalui perolehan secara tender, maka ianya hendaklah di angkat ke Lembaga Perolehan bagi tujuan pertimbangan dan kelulusan.
- 2.2. Kementerian Kewangan telah meluluskan pelanjutan perkhidmatan Klinik Panel sehingga 31 Mac 2019 berikutan ketiadaan wakil daripada Kementerian Kewangan yang mewakili keanggotaan Lembaga Pengarah Universiti dan Lembaga Perolehan. Walau bagaimanapun, pihak Universiti telah berusaha untuk mengangkat permohonan ini untuk pertimbangan Lembaga Perolehan Kementerian Pendidikan Malaysia yang bersidang pada 18 Mac 2019. Lembaga Perolehan Kementerian Pendidikan Malaysia memutuskan untuk menangguhkan sementara keputusan sehingga dasar dan garis panduan berkaitan diluluskan.
- 2.3. Berdasarkan kekangan yang dihadapi berkaitan isu penyambungan dan pelantikan Klinik Panel tersebut, maka staf dan tanggungan dimohon mendapatkan rawatan secara sementara di mana-mana Hospital/Klinik

Kerajaan serta di Pusat Kesihatan Universiti sehingga kelulusan penyambungan dan pelantikan Panel Klinik diterima. Bagi tujuan ini, Pusat Kesihatan Universiti akan beroperasi seperti di **Jadual 1**:

Jadual 1: Waktu Urusan Perkhidmatan Di Pusat Kesihatan Universiti

Kampus	Waktu
Kampus Induk	8.00 pagi sehingga 10.00 malam (Isnin-Jumaat)
	8.00 pagi sehingga 5.00 petang (Sabtu-Ahad)
Kampus Teknologi	8.00 pagi sehingga 5.00 petang (Isnin-Jumaat)

- 2.4 Sehubungan dengan itu, mulai 1 April 2019, staf dan tanggungan yang menggunakan sebarang perkhidmatan rawatan kesihatan di Klinik Panel perlu membayar sendiri kos yang dikenakan.
- 2.5 Pihak Universiti maklum akan situasi yang berlaku serta kesulitan yang dialami serta akan memastikan agar tindakan segera dilakukan dalam menangani isu yang berlaku demi menjamin kebajikan staf adalah terpelihara.

3.0 TARIKH KUAT KUASA

- 3.1 Penangguhan perkhidmatan kemudahan Klinik Panel serta perkhidmatan Pusat Kesihatan Universiti seperti di **Jadual 1** adalah **berkuat kuasa mulai 1 April 2019** sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT

Ketua Pegawai Operasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka